

**KITAB AQIDAH AL-NAJIN DARI SEGI PEMAKNAAN,  
TAHQIQ DAN TAKHRIJ: SATU KAJIAN AWAL**

Muhammad Ramzi bin Omar, Amini Amir bin Abdullah,  
Mohammad Nidzam Abdul Kadir & Ahmad Nasir Mohd. Yusoff

**ABSTRAK**

Artikel penyelidikan ini membahaskan tentang kitab ‘Aqidah al-Najin dari segi pemaknaan, *tahqiq* dan *takhrij*. Aqidah al-Najin merupakan salah sebuah kitab akidah yang digunakan secara meluas oleh masyarakat Nusantara sama ada sebagai kitab pengajian atau sumber rujukan dalam persoalan yang berkaitan dengan akidah. Kitab ini dikarang oleh Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani atau juga dikenali dengan julukan Tuan Minal. Kitab ini berdasarkan versi cetakan Maktabah wa Matba’ah Ben Halabi, Patani, mengandungi 140 halaman merupakan antara kitab akidah yang paling tebal dihasilkan setelah kitab Wardu al-Zawahir yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani. Pemaknaan merupakan satu usaha penterjemahan yang dilakukan untuk memberi maksud kepada sesuatu perkataan atau lain-lain. *Tahqiq* dan *takhrij* merupakan dua istilah yang dipakai dalam kaedah para ulama mengenalpasti ketepatan maklumat sesebuah manuskrip atau kitab serta pencerahan terhadap beberapa perkara yang menjadi kesamaran dan perlu diperjelaskan. Pada dasarnya *takhrij* dan *tahqiq* lebih ditumpukan kepada kitab-kitab yang memuatkan riwayat-riwayat hadith yang perlu dikesan sumber dan status periwayatannya. Matlamat di sebalik mentahqiq sesebuah kitab ialah bagi mendapat teks yang tepat sejajar dengan yang dikehendaki oleh pengarang asal kitab terbabit setelah dilakukan pengesahan penisbahan kitab itu kepada pengarang, tajuk yang dibahaskan serta menjelaskan maksud yang terkandung dalam kitab terbabit. Di sana terdapat perbezaan antara tugas yang dilakukan oleh seorang pentahqiq dan pentakhrij bagi kitab-kitab hadith atau kitab-kitab *turath* yang lain. Kitab yang ditahqiq ialah kitab yang telah disahkan benar judulnya, nama penulisnya, penisbahan kitab itu kepada penulis, dan teks kitab yang ditahqiq itu adalah paling menyamai dengan teks asal yang ditinggalkan oleh penulis asalnya. Atas sebab itu, usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi semua bentuk manuskrip ialah melakukan pengkajian dari aspek-aspek mentahqiq judul kitab, mentahqiq nama pengarangnya, mentahqiq penisbahan kitab itu kepada pengarangnya dan mentahqiq teks kitab sehingga jelas yang ia adalah hampir menyamai teks asal pengarangnya. *Takhrij* pula membawa berbagai

pengertian. Namun dalam kalangan ulama *Mutaakhirin*, *takhrij* ialah menunjukkan tempat sesuatu hadith dari sumber asalnya yang dikeluarkan dengan sanadnya kemudian menerangkan martabat hadith itu jika ada keperluan untuk berbuat demikian. Manakala nas-nas hadith itu hendaklah dicari dalam sumber-sumber hadith dengan mengambil kira ketepatan teks hadith yang disebutkan oleh pengarang beserta kepelbagaian riwayatnya. Tujuannya ialah bagi memastikan bahawa apa yang dinyatakan oleh pengarang adalah berdasarkan pengambilan yang tepat daripada sumber-sumbernya. Artikel ini menceritakan tentang proses dan strategi kajian yang dijalankan terhadap 'Aqidah al-Najin dari segi pemaknaan, *tahqiq* dan *takhrij* yang menggunakan kaedah pengkajian tekstual (*textual studies*). Setiap teks dalam kitab tersebut diteliti dan dikaji hingga mustahil dikatakan bahawa ada yang terlepas daripada kajian berkenaan.

**Kata Kunci:** Syeikh Zainul Abidin al-Fatani, Tuan Minal, *Aqidah Al-Najin*, *tahqiq*, *takhrij*

### **BOOK "AQIDAH AL-NAJIN" IN TERMS OF ISOMETRICS, TAHQIQ AND TAKHRIJ**

#### **ABSTRACT**

*This research article discusses traditional Islamic religious book entitled 'Aqidah al-Najin in terms of isometrics, tahqiq and takhrij. 'Aqidah al-Najin is one of the most widely used books of faith in the Malay Archipelago either as a study book or as a source of reference in matters related to faith. The book was authored by Sheikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani or known as Mr. Minal. This book, based on the print version of Maktabah wa Matba'ah Ben Halabi, Patani, containing 140 pages is one of the boldest books ever produced after Wardu al-Zawahir authored by Sheikh Daud al-Fatani. Giving meaning (pemaknaan) is a translation effort made to give meaning of one word or another. Tahqiq and takhrij are two terms used in the way scholars study the accuracy of a manuscript or book as well as enlightenment on certain matters that are obscure and need a clarification. Basically takhrij and tahqiq focus more on books that contain narratives of hadiths that need to be traced to the source and status of its narrator. The goal behind a book's content is to get the exact text in line with what the original author wanted it to do after verifying the composition of the book, the subject being discussed, and explaining the meaning of the book. The book in question is the book*

*whose title is correct, the name of the author, the passage of the book to the author, and the text of the book in question is the most similar to the original text left by the original author. For this reason, the effort required for all forms of manuscripts was to study the aspects of the book's title, the author's name, the manuscript for the author and the text itself so that it was almost identical to the original text. Takhrij also has different meanings. But among Mutaakhirin scholars, the takhrij is to indicate the place of a hadith from its original source and then explain the dignity of the hadith if there is a need to do so. While these hadiths should be searched for in the sources of the hadith and taking into account the accuracy of the text of the hadith quoted by the author and the variety of its history. The purpose is to make sure that what the author is saying is based on the proper extraction of its sources. This article discusses the process and strategy of the study conducted on 'Aqidah al-Najin in terms of the practice, tahqiq and takhrij which uses textual studies. Every text in the book is researched and explored until it is impossible to say that anything has missed from the study.*

**Keywords:** Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, Tuan Minal, *Aqidah Al-Najin, Tahqiq, Takhrij*

## **PENDAHULUAN**

Pemaknaan merupakan satu usaha penterjemahan yang dilakukan untuk memberi maksud kepada sesuatu perkataan atau lain-lain. Menurut kamus Dewan pemaknaan ialah perihal atau proses memberi makna (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Proses mengubah bentuk tulisan sesebuah teks dari satu bahasa ke bahasa yang lain terbahagi kepada tiga bentuk. Bentuk pertama ialah terjemahan intralingual (intrabahasa). Ia bermaksud pengubahan suatu teks menjadi teks lain berdasarkan interpretasi penterjemah. Namun antara teks asal dan teks terjemahan masih disatukan dengan satu bahasa. Yang membezakan antara keduanya ialah bentuk persembahan bahasa tersebut sama ada yang satunya adalah bahasa klasik manakala yang kedua ialah bahasa moden, atau yang satunya bahasa puisi manakala yang kedua ialah bahasa prosa.

Bentuk terjemahan yang kedua dikenali sebagai terjemahan interlingual (antara bahasa) dan ini merupakan bentuk terjemahan yang hakiki sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang. Terjemahan ini bermaksud penterjemah menulis kembali maksud teks

daripada bahasa asing kepada bahasa sasaran (terjemahan) seperti terjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, Arab ke Melayu dan sebagainya.

Bentuk terjemahan yang ketiga ialah terjemahan jenis intersemiotik. Terjemahan ini merupakan pentafsiran sesebuah teks yang diubah keadaannya daripada bersifat teks kepada sifat yang lain dalam apa-apa bentuk atau sistem tanda yang lain. Contohnya ialah menterjemahkan semula kisah dalam sebuah novel lalu dijadikan sebuah filem. (Idris Mansor, 2017).

Kebanyakan orang tidak menyedari bahawa di antara ketiga-tiga bentuk terjemahan ini pengalihan perkataan kepada perkataan yang lain atau struktur ayat kepada struktur ayat yang lain dalam lingkaran bahasa yang sama juga dianggap sebagai satu terjemahan. Terjemahan bukannya terhad kepada mengalih bahasa daripada bahasa asing kepada bahasa sasaran yang lain semata-mata. Maka pengalihan bahasa atau struktur ayat daripada bahasa yang sama kepada bahasa yang sama inilah yang dikenali sebagai terjemahan intralingual.

*Tahqiq* dan *takhrij* merupakan dua istilah yang dipakai dalam kaedah para ulama mengenalpasti ketepatan maklumat sesebuah manuskrip atau kitab serta pencerahan terhadap beberapa perkara yang menjadi kesamaran dan perlu diperjelaskan. Pada dasarnya takhrij dan tahqiq lebih ditumpukan kepada kitab-kitab yang memuatkan riwayat-riwayat hadith yang perlu dikesan sumber dan status periwayatannya. Matlamat di sebalik mentahqiq sesebuah kitab ialah bagi mendapat teks yang tepat sejajar dengan yang dikehendaki oleh pengarang asal kitab terbabit setelah dilakukan pengesahan penisbahan kitab itu kepada pengarang, tajuk yang dibahaskan serta menjelaskan maksud yang terkandung dalam kitab terbabit.

Di sana terdapat perbezaan antara tugas yang dilakukan oleh seorang pentahqiq dan pentakhrij bagi kitab-kitab hadith atau kitab-kitab turath yang lain. Al-Allamah Abdul Salam Harun (1998: 42) menyebutkan: Tahqiq ialah istilah semasa yang bermaksud memberikan penumpuan khusus terhadap manuskrip-manuskrip sehingga dapat diperakui untuk dipersembahkan apabila memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Kitab yang ditahqiq ialah kitab yang telah disahkan benar judulnya, nama penulisnya, penisbahan kitab itu kepada penulis, dan teks kitab

yang ditahqiq itu adalah paling menyamai dengan teks asal yang ditinggalkan oleh penulis asalnya. Atas sebab itu usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi semua bentuk manuskrip ialah melakukan pengkajian dari aspek-aspek berikut:

1. Mentahqiq judul kitab
2. Mentahqiq nama pengarangnya
3. Mentahqiq penisbahan kitab itu kepada pengarangnya
4. Mentahqiq teks kitab sehingga jelas yang ia adalah hampir menyamai teks asal pengarangnya.

Takhrij membawa berbagai pengertian. Namun di kalangan ulama mutaakhirin sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Mahmud al-Tahhan rahimahullah (1996) takhrij ialah menunjukkan tempat sesuatu hadith dari sumber asalnya yang dikeluarkan dengan sanadnya kemudian menerangkan martabat hadith itu jika ada keperluan untuk berbuat demikian. Manakala nas-nas hadith itu hendaklah dicari dalam sumber-sumber hadith dengan mengambil kira ketepatan teks hadith yang disebutkan oleh pengarang berserta kepelbagaian riwayatnya. Tujuannya ialah bagi memastikan bahawa apa yang dinyatakan oleh pengarang adalah berdasarkan pengambilan yang tepat daripada sumber-sumbernya.

Pentahqiq akan membuat ulasan kepada hadith yang ditakhrijkannya dari sudut kekuatan atau kelemahan periwayatannya. Cara yang demikian juga dijalankan kepada teks-teks selain hadith seperti syair, petikan kitab dan seumpamanya (Abdul Salam Harun, 1998) di mana pentakhrij akan mengenal pasti sumber rujukan yang digunakan oleh pengarang asalnya apakah ia bertepatan dengan rujukan yang ditemui atau sebaliknya.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Aqidah al-Najin merupakan salah sebuah kitab akidah yang digunakan secara meluas oleh masyarakat Nusantara sama ada sebagai kitab pengajian atau sumber rujukan dalam perosalan yang berkaitan dengan akidah. Kitab ini dikarang oleh Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani atau juga dikenali dengan julukan Tuan Minal. Kitab ini berdasarkan versi cetakan Maktabah wa Matbaah Ben Halabi, Patani, mengandungi 140 halaman merupakan antara kitab akidah yang paling tebal dihasilkan setelah kitab Wardu al-Zawahir yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani. (Wan Mohd Saghir: Utusan Malaysia: 29/6/2009).

Pada dasarnya kitab ini membicarakan tentang tiga aspek utama dalam akidah Islamiyah iaitu aspek Ilahiyat (ketuhanan), Nubuwah (kenabian) dan hari akhirat. Di samping itu pengarang turut memuatkan beberapa perbincangan berkaitan ilmu tasawuf iaitu perkara yang berkaitan dengan sifat-sifat yang tercela dan sifat-sifat yang terpuji. Tiga aspek akidah yang dibincangkan ini diketengahkan oleh pengarang dalam bentuk penerangan melalui dalil akli sebagai induk perbincangan di samping penyelitan beberapa teks al-Quran dan hadith sebagai sokongan. Dalam karya ini penekanan terhadap aspek penggunaan akal amat ditekankan terutama dalam membicarakan perihal ketuhanan. Kaedah ilmu Mantiq bagaikan resepi utama yang digunakan bagi menyatakan sesuatu bentuk pendalilan.

Pada hakikatnya kitab Aqidah al-Najin ini adalah hasil karya terjemahan daripada kitab Ummu al-Barahin, namun ditokok tambah oleh penulis dengan sumber rujukan yang lain sehingga akhirnya ia menjadi sebuah kitab susunan yang tidak dapat dikatakan sebagai hasil karya terjemahan seratus peratus dan tidak juga dapat dikatakan sebagai penulisan mutlak oleh penulisnya. Berkaitan hal ini pengarang kitab ini iaitu Tuan Minal menyebutkan pada halaman 2:

*“Kemudian daripada itu, maka lagi akan berkata oleh hamba yang fakir ilallah Taala, Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani ghafarallahu li waliwalidayya wa lilmuslimin, telah meminta akan daku oleh sesetengah saudaraku (أصلح الله لي ولهم الحال والشأن) telah membaiki oleh Allah Taala bagi-Ku dan bagi mereka itu hal wa al-sya’n akan bahawa aku suratkan bagi mereka itu akan suatu kitab pada menyatakan ilmu Usuluddin padahal aku terjemahkan daripada Muaqaddimah Syeikh Sanusi serta aku tambahkan atasnya daripada beberapa kalam syarahnya dan hasyiahnya supaya nyata maksud daripada kalam syeikh itu dan jikalau tiada aku ahli bagi yang demikian itu sekalipun tetapi iktimad aku kepada taufik Karim al-Wahhab bagi jalan yang sawab.”*

Berdasarkan ini adalah jelas bahawa kitab Aqidah al-Najin adalah gabungan terjemahan daripada kitab Utama iaitu Muqaddimah Syeikh Sanusi dan tambahan daripada kitab-kitab lain yang tidak dinyatakan judulnya oleh pengarang, namun ia berupa kitab yang mensyarahkan bagi matan Ummu al-Barahin serta kitab-kitab dalam bentuk hawasyi (nota tepi).

### **KITAB MUKADDIMAH AL-SANUSIYYAH**

Sebelum membahaskan tentang isi kandungan kitab Aqidah al-Najin maka adalah wajar kita mengetahui kitab utama yang menjadi rujukan pengarang iaitu kitab Muqaddimah al-Sanusiyah, apakah nilai ilmiahnya dan bagaimana kitab ini mendapat tempat dalam kalangan ulama dan masyarakat Islam dari sudut mempelajari ilmu akidah.

Menurut pengarang, kitab Muqaddimah Syeikh Sanusi walaupun tidaklah besar saiznya namun ilmu yang terdapat di dalamnya adalah sangat luas kerana ia memuatkan sekalian perkara berkaitan akidah dengan ditambahi beberapa faedah. Bagi pengarang, Muqaddimah Syeikh Sanusi merupakan kitab tauhid yang terbaik pernah dikarang kerana ia telah disusun dalam bentuk yang bersih daripada memuatkan perbincangan yang tidak mengandungi nilai atau terlalu menyusahkan.

Berdasarkan kenyataan oleh pengarang Aqidah al-Najin dapatlah difahami bahwa kitab Mukaddimah itu adalah kitab yang sama yang diberi judul Ummu al-Barahin (al-Aqidah al-Sughra) yang ditulis oleh al-Syeikh al-Sanusi, sebagaimana yang jelas melalui kata-kata pengarang:

*“...Bahawasa Mukaddimah Syeikh Sanusi itu dan jika adalah ia kecil jirimnya sekalipun sangat besar ilmunya lagi yang mengandung atas sekalian aqaid serta dilebih beberapa fawaid dan kerana demikian itu adalah ia terlebih elok daripada segala yang dita’lif pada tauhid dan terlebih sucinya dari hampa dan ta’qid istimewa pula orang yang mengarang akan dia itu wali Allah dengan tiada syak dan namanya Muhammad anak Yusuf al-Sanusi al-Hasani nama bangsanya yang dinamakan dia Ummul Barahin ertinya Ibu Segala Dalil....[halaman 2]”.*

Namun menurut Dr Khalid Zahri (2009), Syeikh al-Sanusi mempunyai karya-karya yang berlainan judul tetapi hampir-hampir sama isi kandungannya. Antaranya ialah Risalah Mukaddimahnya yang mana ia hampir sama dengan Ummu al-Barahin. Kitab al-Mukaddimat dari sudut ungkapan ayat dan pengertiannya adalah sama dan berpadanan dengan dengan kitab Ummu al-Barahin. Tidak ada beza antara kedua-dua kitab itu kecuali di bahagian awal kitab Mukaddimat di mana Syeikh al-Sanusi memasukkan perbincangan khusus tentang hukum

syarak dan hukum adat. Jika tidak disebabkan awalan kitab ini menunjukkan bahawa pengarangnya bermaksud ia adalah kitab yang tersendiri dan pengarangnya juga ada membuat syarahan (huraian) terhadap kedua-duanya (al-Mukaddimah dan Ummu al-Barahin) sudah tentu akan diputuskan bahawa Ummu al-Barahin adalah sebahagian daripada kitab al-Mukaddimat.

### **PERMASALAHAN**

Kitab Jawi lama merupakan salah satu medium ilmu yang meninggalkan manfaat yang besar dalam kehidupan beragama masyarakat Islam di Nusantara. Ramai tokoh ulama Nusantara yang terbabit dalam penulisan kitab-kitab jawi lama dan mereka datang daripada pelbagai latar belakang geografi dalam kawasan Nusantara. Di kalangan mereka ada yang datang dari negeri Patani, Sumatera, Tanah Melayu dan Tanah Jawa. Tokoh-tokoh seperti Syeikh Daud al-Fatani (wafat 1847M/1265H), ([https://ms.wikipedia.org/wiki/ Sheikh Daud Abdullah al-Fathani](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sheikh_Daud_Abdullah_al-Fathani)), Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani (tahun wafat tidak diketahui) (Utusan Malaysia 18/10/2004), Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari (Banjarmasin, Kalimantan Selatan, wafat 1812) ([https://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad Arsyad al-Banjari](https://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Arsyad_al-Banjari)), Syeikh Abdul Samad al-Palimbani (dikatakan wafat 1203H/1789M) ([https://id.wikipedia.org/wiki/Abdus Samad al-Palimbani](https://id.wikipedia.org/wiki/Abdus_Samad_al-Palimbani)), Syeikh Nawawi bin Umar al-Bantani al-Jawi (wafat 1314 H / 1897 M) ([https://id.wikipedia.org/wiki/Nawawi al-Bantani](https://id.wikipedia.org/wiki/Nawawi_al-Bantani)) dan lain-lain lagi adalah mewakili para ilmuwan yang memberikan sumbangan besar dalam penulisan kitab-kitab agama untuk masyarakat Islam Nusantara.

Perkara utama yang mendapat perhatian utama bagi pembaca kitab-kitab jawi lama adalah dari aspek makna. Kefahaman terhadap makna daripada ungkapan atau lafaz yang dimuatkan dalam kitab-kitab tersebut akan menjadi faktor seseorang pembaca meneruskan pembacaannya dengan memahami maksud sebenar yang disampaikan atau terhenti setakat ungkapan dan lafaz yang sukar difahami sehingga menjadikan pembacaanya tidak dapat fokus terhadap pembacaannya.

Kesukaran memahami kitab-kitab jawi lama adalah disebabkan oleh kesukaran memahami sistem tulisan jawi lama dan juga kesukaran menanggapi perkataan-perkataan yang digunakan pada sesetengah tempat sama ada perkataan itu berasal daripada dialek suku tertentu seperti perkataan Banjar dan sebagainya atau perkataan tersebut adalah



perkataan Arab yang dikekalkan tanpa diterjemahkan, atau juga kerana perkataan itu adalah pengistilahan daripada cabang ilmu tertentu yang dimasukkan dalam penulisan kitab-kitab terbabit. Sistem tulisan jawi lama juga adalah berkait rapat dengan sistem tulisan Arab klasik di mana perbincangan sesuatu bab atau tajuk akan dimulakan dengan peletakan judul utama dan disusuli penerangan panjang lebar yang tidak bernoktah, tidak berperenggan dan tidak mempunyai sub judul.

Keadaan ini menyukarkan bagi seseorang untuk mendapat maklumat bagi fasal tertentu dalam kitab terbabit dengan cepat kerana ia memerlukan kepada pembacaan dari awal bab hingga ke bahagian yang hendak didapatkan maklumatnya oleh pembaca. Namun, hakikat yang tidak dapat dinafikan kitab-kitab jawi lama ini mempunyai peranan dan jasa yang besar di mana mereka yang terdidik daripada pembelajaran kitab-kitab inilah yang banyak memberikan sumbangan dalam aspek kehidupan keagamaan dalam kalangan masyarakat.

Dalam usaha menjernihkan kefahaman tentang isi perbincangan kitab-kitab jawi lama banyak kajian dan penulisan yang dilakukan berkaitan dengannya. Penulisan dalam bentuk jurnal, artikel mahu pun buku telah dilakukan oleh beberapa orang penulis bagi tujuan terbabit. Persatuan penterjemah Malaysia sebagai contohnya telah mengambil inisiatif mengumpulkan beberapa artikel berkaitan terjemahan dalam buku yang berjudul “Kelestarian Bidang Terjemahan” yang disusun oleh Hasura Che Omar dan Rokiah Awang.

Buku yang diterbitkan oleh Persatuan Penterjemah Malaysia ini memuatkan beberapa isu berkaitan terjemahan yang antaranya termasuklah isu penulisan kitab jawi yang terikat dengan gaya terjemahan daripada bahasa Arab. Sebagai contohnya dalam artikel yang ditulis oleh Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub, Dr. Ghani Ismail dan Azman Che Mat daripada Universiti Teknologi Malaysia yang berjudul “Memaknakan Semula Terjemahan Kitab-kitab Jawi Lama” (halaman 188) mereka mengutarakan cadangan demi cadangan terhadap beberapa perenggan dalam sebahagian kitab-kitab jawi terbabit supaya dimodenisasikan dengan uslub dan gaya penulisan baharu. Beberapa contoh daripada beberapa buah kitab jawi lama dikemukakan untuk dijadikan pedoman bagaimana memaknakan bahasa jawi lama tersebut.

Antara kitab yang dipilih untuk dijadikan contoh pembaharuan uslub bahasa ialah kitab Aqidah al-Najin yang dikarang oleh Syeikh Zainul

Abidin bin Muhammad al-Fatani. Beberapa contoh ungkapan ayat dalam kitab tersebut dipetik dan dicadangkan terjemahannya yang baharu. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh penulis ialah seperti ungkapan: *والكلام الذي ليس بحرف ولا صوت ويتعلق بما يتعلق به العلم من المتعلقات* yang diterjemahkan sebagai: “*Dan kalam yang tiada dengan huruf dan tiada suara dan taalluq ia dengan barang yang taalluq dengan dia oleh ilmu daripada sekalian yang ditaaluginya.*” Daripada gaya terjemahan tersebut penulis terbabit mencadangkan terjemahan yang lebih sesuai dengan uslub semasa iaitu seperti: “*Kalam itu ialah bukan huruf dan bunyi (semata-mata) bahkan berkait dengan perkara-perkara yang berkaitan ilmu*” (hlm 190).

Pada hemat penyelidik, gaya terjemahan kitab jawi lama yang terkesan daripada terjemahan harfiah kitab-kitab Arab bukanlah disebabkan ketidakupayaan penulis kitab jawi terbabit untuk memaknakan dengan bahasa yang biasa digunakan oleh masyarakat setempat. Keterikataan dengan gaya bahasa terjemahan literal itu mungkin didorong oleh prinsip keilmuan yang membabitkan tata bahasa dari aspek nahu yang menetapkan bagaimana sepatutnya sesuatu perkataan atau ayat dibentuk bagi memenuhi aspek tatabahasa.

Sebagai contohnya uslub ayat yang diawali dengan perkataan “bermula” seperti yang biasa disebutkan oleh pengarang kitab jawi lama adalah bagi mengekalkan keaslian aspek nahunya dalam bahasa Arab yang meletakkan jumlah Ismiah itu diawali dengan muftada’ dan dilengkapkan kefahaman ayat itu dengan khabar. Jika dalam bahasa Arab maka tidak perlu diletakkan perkataan tertentu bagi menggambarkan ayat awal adalah muftada’ kerana kaedah bahasa Arab sendiri sudah mempunyai sistem I’rab yang sedia dimaklumi oleh mereka yang mempelajarinya. Namun dalam tata Bahasa Melayu tidak terdapat sistem I’rab sebagaimana dalam bahasa Arab. Atas sebab itulah penulis kitab jawi lama cenderung meletakkan perkataan “bermula” sebagai menggambarkan ayat yang datang selepasnya adalah berada pada kedudukan muftada’ dari sudut tata bahasa Arab. Hal ini dilakukan walaupun dari sudut kefahaman terhadap teks yang disampaikan tidak memerlukan perkataan tersebut dimuatkan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Marhum Wan Mohd Saghir Abdullah: “Menurut Sheikh Ahmad al-Fatani pula, saraf Melayu ada timbangan kata-kata dengan menggunakan jumlah huruf dan suku

kata-suku kata. Titik temu pemikiran bahasa Melayu antara Sheikh Ahmad al-Fatani dengan Raja Ali Haji ialah bahawa sebagaimana bahasa Arab, demikianlah halnya dengan bahasa Melayu tidak terlepas daripada: isim, fi'il dan huruf" (Utusan Malaysia 24/11/2008).

Kenyataan ini menggambarkan bahawa penulis kitab-kitab jawi lama sebenarnya turut terikat dengan sistem penulisan yang mereka gunakan walaupun gaya bahasanya agak sukar difahami. Walau apa pun jua sebab yang menjadikan teks kitab klasik begitu sukar difahami, namun faktor utamanya tidak lari daripada keterikatan pengarangnya dengan terjemahan harfiyah daripada bahasa Arab. Dalam konteks zaman sekarang keperluan memaknakan teks-teks kitab klasik semakin bertambah memandangkan sistem tulisan jawi yang tidak lagi menjadi tulisan yang mendominasi dalam alam melayu masa kini, suatu keadaan yang turut menjadi penyebab kitab-kitab jawi klasik itu menjadi semakin terasing dan jauh daripada masyarakat kecuali di kalangan ahli yang menceburinya melalui pengajian-pengajian di pondok-pondok dan seumpamanya.

Apabila disoroti kitab Aqidah al-Najin dari awal hingga akhirnya maka dapatlah dibuat beberapa pemerhatian tentang permasalahan yang perlu dirungkaikan dalam kajian ini dari beberapa aspek.

#### **ASPEK PEMAKNAAN DAN PENCERAHAN**

Oleh kerana kitab jawi lama kebanyakannya terikat dengan uslub bahasa terjemahan secara literal daripada bahasa Arab maka apabila ditampikan kepada pembaca laras bahasanya agak janggal dan tidak bertepatan dengan laras bahasa yang biasa digunakan dalam percakapan mahu pun penulisan sebenar masyarakat Melayu. Oleh kerana itu untuk memhaminya memerlukan bantuan dan kepakaran dalam menguasai bahasa Arab yang merupakan bahasa asal kitab tersebut diterjemahkan. Selain daripada gaya bahasanya yang asing daripada bahasa harian, kebanyakan kitab-kitab jawi lama kerap kali mengekalkan beberapa perkataan Arab tanpa diterjemahkan atas sebab-sebab tertentu yang kadangkala kita tidak dapat menanggapinya. Pengekalan bahasa Arab dalam manuskrip jawi lama pastinya memberi satu cabaran kepada penterjemah intralingual daripada jawi kepada rumi sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab. Hal yang sama turut membabitkan kitab Aqidah al-Najin.

Antaranya kitab ini banyak mengekalkan perkataan-perkataan Arab tanpa diterjemahkan. Apabila diteliti ternyata ada banyak perkataan Arab yang sebenarnya boleh diterjemahkan terus tanpa perlu dikekalkan, dan ada juga perkataan yang perlu dikekalkan tetapi perlu diberikan penghuraian. Antara contoh perkataan yang tidak perlu dikekalkan malah diterjemahkan terus ialah seperti perkataan murad (yang dimaksudkan), tawahhum (sangkaan salah), ‘akas (sebaliknya), i’tiradh (bantahan), farq (perbezaan) dan lain-lain lagi. Antara contoh pengekalannya bahasa Arab dalam tulisannya ialah seperti yang disebutkan oleh pengarang pada halaman 2:

*“Kerana bahawasa Mukaddimah Syeikh Sanusi itu dan jika adalah ia kecil jirimnya sekalipun sangat besar ilmunya lagi yang mengandungi atas sekalian ‘aqaid serta dilebih beberapa fawaid dan kerana demikian itu adalah ia terlebih elok daripada segala yang dita’lif pada tauhid dan terlebih sucinya daripada hampa dan ta’qid.”*

Dalam petikan ini kita dapat melihat bagaimana pengarang menyebutkan perkataan jirim, aqa’id, fawaid, ta’lif dan ta’qid. Bagi perkataan jirim maka kita boleh sahaja menterjemahkannya kepada perkataan saiz tanpa perlu dihuraikan lagi maksudnya kerana ia merupakan perkataan yang segera difahami dengan mudah dalam konteks ayat terbabit. Demikian juga perkataan aqa’id yang merupakan kata jamak kepada perkataan aqidah boleh sahaja diterjemahkan sebagai himpunan akidah.

Perkataan fawaid yang merupakan kata jamak kepada perkataan faedah boleh sahaja dituliskan dengan perkataan faedah yang juga merupakan perkataan yang dipakai dalam bahasa Melayu. Perkataan dita’lif boleh diterjemahkan langsung kepada perkataan disusun. Manakala perkataan ta’qid mungkin memerlukan kepada penghuraian, dan wajarlah ia dikekalkan.

Maka ini merupakan sebahagian daripada tugas yang akan dilakukan oleh pengkaji dalam mengupas maksud perkataan terbabit. Contohnya pengkaji memuatkan perkataan itu dengan meletakkan nota kaki dan pencerahan sebagai berikut: (Perkataan ta’qid membawa maksud: تَأْلِيفُ الْكَلَامِ عَلَى وَجْهِ يَعْسُرُ فَهْمَهُ لِسُوءِ تَرْتِيبِهِ وَهُوَ التَّعْقِيدُ اللَّفْظِيُّ ، أَوْ لَاسْتِعْمَالِ مَجَازٍ بَعِيدٍ الْعَلَاقَةِ ، أَوْ كِنَايَةِ بَعِيدَةِ الزُّرُومِ وَهُوَ التَّعْقِيدُ الْمَعْنَوِيُّ (Pengaturan kata-kata dalam

bentuk yang sukar difahami disebabkan susunannya yang tidak baik iaitu kekusutan lafaznya, atau penggunaannya dalam bentuk metafora yang tidak kena mengena, atau disebabkan kinayah yang tidak menjadi iaitu kekusutan maknanya (Al-Mu'jam al-Wasit, 2004). Di sana terdapat beberapa contoh kepada perkataan yang perlu dihuraikan seperti perkataan wujud, thubuti, aradh, illat, ma'lul, sairurah, muhkamat, mutasyabihat dan sebagainya.

Paling menonjol dalam penulisan kitab ini ialah pengarangnya banyak menggunakan kaedah-kaedah ilmu Mantiq bagi menjustifikasi hujah yang dikemukakan tanpa memberikan pen genalan awal kepada beberapa terma yang digunakan daripada disiplin ilmu Mantiq itu. Cara pembentangan oleh pengarang pula seolah-olah beliau menunjukan kitab ini kepada mereka yang telah biasa terdisiplin dengan ilmu Mantiq kerana pengarang tidak menyebutkan bagaimana datangnya kaedah berfikir yang diadaptasikan daripada ilmu Mantiq itu di samping tidak pula menghuraikan satu persatu pengistilahan terma Mantiq yang digunakan.

Dengan menyoroti lembaran demi lembaran pada kitab ini, maka kita akan menemui penonjolan istilah-istilah ilmu Mantiq secara kerap kali bermula dengan perbincangan sifat-sifat yang mustahil ke atas Allah. Dalam menguatkan pendalilannya pengarang memasukkan beberapa terma ilmu Mantiq yang agak sukar untuk difahami tanpa diberikan pencerahaan yang selayaknya. Sebagai contohnya perbincangan tentang konsep ضد (antonim) amat banyak diketengahkan dalam perbincangan sifat-sifat yang mustahil bagi Allah Taala. Di bawah konsep ضد ini terdapat pecahan-pecahan yang banyak dibincangkan dalam ilmu Mantiq. Pengarang mengguna pakai konsep ضد dalam ilmu Mantiq merangkumi pecahan-pecahannya dengan kerap kali tanpa menghuraikan terlebih dahulu maksud konsep ضد yang diguna pakai. Sekilas pandang apabila pengarang mengetengahkan terma-terma itu ia bagaikan satu hasil karya yang disajikan untuk golongan ilmuwan peringkat tertinggi yang telah pun menguasai atau mempelajari disiplin-disiplin ilmu Mantiq yang dijadikan sebagai salah satu mekanisme penghujahan dalam membuktikan kemustahilan sifat-sifat yang mustahil bagi Allah SWT.

Berikut beberapa contoh daripada penggunaan kaedah Mantiq dalam aspek penghujahan tentang sifat-sifat yang mustahil bagi Allah yang

mengguna pakai konsep ضد terbabit. Pada halaman 37 pengarang menyebutkan:

*“Dan mengitlaq oleh musannif akan segala اُضداد yakni segala lawan atas muqabil bagi segala sifat Allah Taala dan tiada ‘akas ia kerana bahawasa segala sifat-Nya Taala qadim maka tiada ada ia ضد bagi lainnya.”*

Pengarang menyebutkan secara mutlak bahawa segala antonim (lawan) sifat yang wajib (iaitu sifat yang mustahil) adalah lawan kepada sifat-sifat Allah (yang wajib). Namun, ketika membincangkan sifat-sifat yang wajib pengarang tidak pula menyatakan sifat-sifat wajib itu adalah lawan bagi yang bertentangan dengannya. Ini kerana segala sifat Allah (yang bukan mustahil) adalah qadim.

Oleh itu, ia bukannya lawan bagi segala yang lain. Ternyata daripada teks yang disebut oleh pengarang ia disajikan dalam uslub yang agak sukar difahami dan adalah diyakini ia diterjemahkan secara literal daripada bahasa Arab. Justeru, pemaknaan dalam bahasa yang lebih difahami adalah perlu dilakukan supaya tidak terjadi salah faham yang akan membawa kepada salah tafsiran. Dalam melakukan pemaknaan maka kita tidak dapat lari daripada menyisipkan beberapa kalimat penghuraian supaya teks itu lebih mudah untuk difahami. Malah penghuraian itu merupakan salah satu daripada bidang tugas yang tidak kurang pentingnya dalam kajian ini kerana ia berfungsi melengkapkan lagi kefahaman terhadap pemaknaan yang dilakukan.

Contoh lain lagi ialah pada halaman 38 ketika membicarakan sifat keempat yang mustahil atas Allah SWT pengarang menyebutkan:

*...Yang keempat daripada yang mustahil atas Allah Taala bersamaan dengan segala yang baharu dan yaitu lawan bagi mukhalafatuhu lil hawadith (bermula) berlawanan antaranya dan antara mukhalafatuhu lil hawadith itu daripada taqabul antara suatu dan yang bersamaan bagi naqidhnya atas aturan barang yang dahulu jua....*

Berdasarkan petikan ini maka pengkaji perlu menerangkan kesamaran yang timbul dengan memuatkan penerangan atas maksud istilah yang diberikan oleh pengarang dengan mencari daripada sumber-sumber lain yang dapat merungkai kesamaran teks tersebut. Sebagai contohnya pengkaji akan membuat pencerahan kepada maksud taqabul tersebut dengan menyebutkan seperti berikut: Ungkapan asal dalam

bahasa Arab ialah *والتقابل بينهما من باب تقابل الشيء والمساوي لنقيضه* (Taqabul [pertentangan] antara kedua-duanya termasuk dalam bab pertentangan sesuatu dengan perkara yang menyamai lawannya).

Dalam istilah falsafah dan tasauf perkataan taqabul merujuk kepada maksud dua perkara yang tidak boleh berkumpul pada satu tempat sebagaimana tidak berkumpulnya hitam dan putih pada satu tempat. Perkara yang tidak boleh berkumpul itu ialah dua perkara yang saling berlawanan. Perkara yang berlawanan (antonim) ada beberapa pecahan.

- 1) Ada antonim yang dikenali sebagai *ضد* yang bermaksud dua perkara wujud yang saling berlawanan dan tidak boleh berkumpul sekali tetapi boleh terjadi kedua-duanya tidak ada. Contohnya seperti hitam dan putih tidak boleh berkumpul sekali, tetapi boleh berlaku tidak ada hitam dan putih.
- 2) Antonim yang dikenali sebagai *ناقض* (ناقض) iaitu perkara yang diisbat atau dinafikan. Ia bermaksud dua perkara yang tidak boleh disabitkan dan dinafikan dalam satu masa. Contohnya wujud dan tidak wujud atau lama dan tidak lama tidak boleh berkumpul dalam satu masa. Dalam hal ini lawan bagi wujud ialah tidak wujud dan lawan bagi lama ialah tidak lama.
- 3) Ada antonim dalam bentuk pertentangan dua perkara yang bersamaan dengan lawannya (*تقابل الشيء والمساوي لنقيضه*). Contohnya ialah seperti dalam petikan ini di mana pengarang menyebutkan lawan bagi mukhalafatuhu lil hawadith ialah mumathalatuhi lil hawadith. Taqabul atau ketidakbolehan berkumpul antara dua antonim ini ialah kerana sifat bersalahan dengan yang baharu merupakan sifat yang wajib bagi Allah, manakala sifat bersamaan dengan yang baharu ialah sifat yang mustahil atas Allah. Tidak boleh berkumpulnya kedua-duanya adalah dalam kategori sesuatu yang tidak boleh berkumpul dengan sesuatu yang sama dengan lawannya. Ini kerana lawan bersalahan ialah tidak bersalahan, manakala sesuatu yang tidak bersalahan menyamai sesuatu yang bersamaan dari sudut kemustahilannya.
- 4) Ada antonim dalam bentuk pertentangan dua perkara yang lebih khusus dalam lawannya (*تقابل الشيء والأخص من نقيضه*). Contohnya ialah seperti sifat qidam adalah wajib bagi Allah, manakala huduth (baharu) adalah mustahil atas Allah. Pertentangan antara qidam dan baharu itu adalah dalam bentuk pertentangan sesuatu dengan yang lebih khusus dalam lawannya. Ini kerana baharu bermaksud kewujudan yang sebelumnya tiada. Lawan qidam ialah tidak

qidam. Tidak qidam boleh difahami sebagai baharu iaitu kewujudan setelah tiada dan boleh juga difahami sebagai berubah-ubah setelah tiada berubah-ubah. Ini bererti baharu adalah antonim yang lebih khusus untuk qidam berbanding tidak qidam yang juga merupakan antonim kepada qidam. (Markaz Nun li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, 2009).

Apabila pengarang membiarkan beberapa istilah ilmu Mantiq itu diketengahkan dalam pendalilannya tanpa menghuraikannya secara lebih lanjut maka tahulah kita kedudukan kitab ini dikarang bukan untuk sembarangan orang. Ia bukannya kitab akidah peringkat permulaan atau pertengahan, malah kita boleh mengatakan ia adalah kitab akidah peringkat tinggi yang hanya mampu ditelaah oleh mereka yang benar-benar ahli dan telah berkecimpung dalam pengajian akidah dalam segenap aspek disiplinnya.

#### **ASPEK GAYA SUSUNAN**

Sebagaimana kebanyakan kitab jawi klasik yang lain, maka kitab Aqidah al-Najin disusun dalam bentuk yang sama iaitu tanpa memuatkan sistem pengklasan judul dan sub judul. Penyusunannya yang terikat dengan sistem penulisan kitab-kitab Arab Klasik menyukarkan pembaca untuk mendapatkan sesuatu maklumat ilmu yang dibincangkan dalam masa yang cepat ketika menjadikannya sebagai rujukan bagi mendapat maklumat kepada permasalahan-permasalahan tertentu.

Bermula dengan mukaddimah oleh pengarangnya yang menceritakan sebab yang mendorong beliau untuk menulis kitab ini maka ia terus dihurai dan disyarahkan satu persatu permasalahan ilmu akidah tanpa diselangi oleh noktah, baris dan perenggan. Demikian juga tidak dimasukkan tajuk-tajuk utama dan tajuk-tajuk pecahan walaupun pada hakikatnya kitab ini mengandungi pelbagai pecahan perbincangan akidah bagi setiap tajuk-tajuk utama yang diandaikan.

Penyelidik menyebutkan tajuk-tajuk utama yang diandaikan kerana sememangnya pengarang tidak memasukkan tajuk-tajuk tersebut dalam bentuk tersurat tetapi ia dapat diketahui apabila kita menelusuri penulisan ini mengikut patah-patah perkataan, baris demi baris dan halaman demi halaman, maka ternyata kepada kita bahawa bahawa segenap segi permasalahan akidah dibincangkan oleh pengarang di



dalam kitab ini berserta pelbagai bentuk pendalilan dan gabungan disipilin ilmu akli dan naqli.

### ***ASPEK TAKHRIJ***

Takhrij merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya dalam kajian ini kerana terdapat banyak nas atau petikan yang disebutkan oleh pengarang yang perlu diberikan penjelasan tentang sumberambilannya. Takhrij dalam ilmu hadith merujuk kepada disiplin ilmu yang membahaskan prinsip dan metode yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadith, mengenal pasti mutabaah dan syawahid daripada sumber-sumber asal, sumber-sumber yang menyerupai asal dan sumber-sumber yang tiada asal, seterusnya menjelaskan hukum dan darjat hadith sama ada diterima atau ditolak (Faisal Ahmad Shah, 2016).

Dalam kajian ini setiap hadith yang dimuatkan oleh pengarang akan dilakukan takhrij. Menurut pengamatan yang dibuat oleh Faizuri Abdul Latif (2009) secara umumnya terdapat 91 buah Hadith yang terkandung dalam kitab `Aqidah al-Najin. Manakala Hadith-hadith tersebut telah dibahagikan kepada beberapa topik seperti Ketuhanan (al-Ilahiyyat), Kenabian (al-Nubuwwat), al-Sam`iyyat, Tasawuf dan sebagainya. Secara khususnya bilangan hadith yang ditemui berkaitan bab-bab terbabit ialah, 20 hadith berkaitan Ketuhanan, 15 hadith berkaitan kenabian, 14 hadith berkaitan sam`iyyat dan 42 hadith bagi lain-lain topik. Usaha-usaha mentakhrij hadith akan merangkumi tugas berikut:

1. Mengetahui sumber rujukan asal hadith.
2. Mendapatkan sanad atau turuq bagi hadith dan ulama yang meriwayatkannya.
3. Memberikan penjelasan mengenai mutabaat atau syawahid bagi hadith terbabit.
4. Mengetahui para perawi hadith dan kedudukan mereka dari sudut al-Jarh wa al-Ta`dil.
5. Memberikan penjelasan tentang pendapat ulama berkaitan hadith terbabit.
6. Mengemukakan riwayat-riwayat sahih dan hasan yang berkaitan dengan hadith terbabit jika hadith itu da'if atau palsu.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini mempunyai empat objektif utama bagi menghasilkan kefahaman yang lebih jelas dan menyeluruh terhadap

kitab Aqidah al-Najin. Empat objektif utama itu ialah:

1. Pemaknaan. Kajian ini mempunyai objektif untuk memberikan pemaknaan dan pencerahan secara menyeluruh terhadap kitab aqidah yang terkenal dalam masyarakat Nusantara. Apabila disebutkan pemaknaan secara menyeluruh maka ia hampir menyamai terjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Namun kajian ini tidak sesuai untuk dinamakan sebagai terjemahan secara mutlak kecuali jika dikaitkan sebagai terjemahan intralingual. Ini kerana kitab yang hendak dijadikan bahan kajian juga termasuk dalam kitab bahasa Melayu yang menjadi bahasa penulisan kajian ini. Walaupun begitu ia merupakan bahasa Melayu klasik yang amat sukar untuk difahami kerana ia berasal daripada terjemahan secara literal daripada kitab-kitab bahasa Arab yang pelbagai. Justeru, sebagai langkah awal kepada pencerahan dalam bentuk takhrij dan tahqiq maka pemaknaan secara menyeluruh perlu dilakukan pada setiap teks, baris dan perenggan kitab ini sehingga ia dapat difahami dengan lebih mudah sekaligus membantu para pembaca daripada pelbagai latar belakang untuk memahami kitab ini dengan lebih jelas. Walaupun proses pemaknaan bukannya menjadi motif utama kajian ini namun kerja-kerja pemaknaan itu mengambil peratusan terbanyak daripada urutan kerja sepanjang menyiapkan penulisan ini.
2. Penjudulan: Pemaknaan yang jelas akan memudahkan urutan kerja seterusnya iaitu penjudulan setiap bab dan fasal dalam kitab ini yang sememangnya tidak dilakukan oleh penulis asalnya. Untuk tujuan penjudulan maka setiap butir perkataan dan ayat perlu disoroti dengan rapi agar setiap judul dan sub judul yang dikemukakan tidak lari atau tersasar daripada isi perbincangan yang dimuatkan di dalamnya. Pada umumnya penjudulan bukanlah kerja yang sukar memandangkan ia tertakluk kepada kefahaman terhadap isi kitab yang dibincangkan yang mana tujuan untuk mendapatkan kefahaman itu telah terhasil melalui langkah pemaknaan sebagai langkah awal dalam kajian ini. Secara kasarnya judul-judul utama kitab ini tidak lari daripada lima bab utama iaitu:
  - a. Pengenalan kitab
  - b. Pengenalan ilmu usuluddin
  - c. Sifat dua puluh yang wjaib ke atas Allah
  - d. Sifat-sifat yang mustahil ke atas Allah
  - e. Beriman dengan para rasul dan rukun-rukun iman yang lain

Di bawah judul utama ini terdapat banyak sub judul yang pelbagai meliputi definisi sesuatu sifat, penghujahan dan segala perkara berkaitan dengannya.

3. Pencarian Sumber (Takhrij): Objektif seterusnya ialah pencarian sumber kepada teks-teks (nas) syarak yang dikemukakan oleh penulis sama ada nas-nas al-Quran, hadith, athar, rujukan asal kepada kitab yang pelbagai yang disebutkan oleh penulis secara umum, dan biografi tokoh-tokoh yang disebutkan oleh penulis.
4. Pencerahan (Cabang Tahqiq): Pencerahan bermaksud huraian dan penjelasan kepada segala kesamaran yang terdapat dalam kitab terbabit. Secara umumnya proses pencerahan merangkumi usaha memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan istilah-istilah yang tidak jelas, huraian kepada kaedah-kaedah pendalilan yang diguna pakai seperti penggunaan ilmu Mantiq yang perlu dikupas semula maksud dan tujuan penggunaannya dalam perbincangan tentang ilmu ketuhanan dalam kitab ini.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Setakat pengamatan pengkaji belum ada kajian yang menyentuh secara langsung terhadap kitab-kitab jawi klasik dalam aspek tahqiq dan takhrij yang merangkumi pemaknaan menyeluruh pada setiap ayat dan perenggan. Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap kitab-kitab jawi memfokuskan kepada pencarian sumber dan pencerahan kepada kesamaran daripada ayat-ayat dalam kitab terbabit. Namun pemaknaan secara menyeluruh satu persatu dari awal bab sehingga pengakhiran kitab jarang dilakukan.

Pemaknaan menyeluruh hanya dilakukan dalam industri terjemahan dari bahasa asing ke bahasa tempatan. Oleh itu kajian ini adalah penting kerana ia memberi ruang yang lebih luas kepada penuntut ilmu akidah serta pengajarnya untuk memahami maksud sebenar daripada kitab ini memandangkan ia merupakan salah satu daripada kitab akidah yang terbesar dalam senarai kitab-kitab jawi setelah kitab Wardu al-Zawahir yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani. Apatah lagi kitab ini merupakan salah satu kitab yang sering digunakan dalam pengajian-pengajian di masjid dan surau. Berikut adalah beberapa kepentingan kajian yang mampu dihasilkan dari penyelidikan ini. Antaranya ialah:

1. Kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan umat Islam di negara ini terutamanya penuntut ilmu akidah dan pengajarnya dalam memahami kandungan kitab klasik dengan cara yang lebih mudah.
2. Jati diri umat Islam perlu diperkasakan dengan mengukuhkan lagi pendidikan agama yang berteraskan kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah yang terpamer melalui pendekatan aliran Asyairah dan al-Maturidiyah tanpa mengenyakan aliran lain yang masih dalam payungan ahli sunnah wal jamaah.
3. Pentingnya kesedaran betapa pentingnya penghayatan agama mengikut mazhab yang muktabar dan mengelakkan orang awam daripada perbahasan terbuka mazhab yang terkeluar dari bidang dan kemampuan mereka.
4. Pentingnya penekanan adab sebagai teras utama dalam semua lapangan ilmu yang diceburi oleh umat Islam terutama yang berkaitan dengan ilmu-ilmu keagamaan.

### **SKOP KAJIAN**

Penulis akan memfokuskan kajian kepada isi keseluruhan kitab Aqidatun Najib yang memuatkan sebanyak 140 halaman. Tumpuan akan dibuat terhadap terjemahan intralingual (intrabahasa) dengan mengalih bahasa kesemua teks kitab terbabit daripada bahasa klasik ke bahasa melayu moden di samping mengekalkan teks bahasa klasiknya supaya dapat dibuat perbandingan perbezaan yang kelihatan dalam memahami teks asal kitab tersebut.

Kajian juga akan memfokuskkan kepada pencarian sumber hadith dan teks-teks syarak yang dinyatakan oleh pengarang kitab terbabit melalui pendekatan ilmu takhrij hadith dengan tujuan mendapatkan sumber asal bagi teks syarak yang dinyatakan serta mengenal pasti darjat hadith-hadith yang dikemukakan.

Seterusnya kajian juga akan memfokuskan kepada penjelasan kepada istilah-istilah yang dikemukakan oleh pengarang sama ada istilah dalam bentuk kalimah bahasa Arab yang tidak diterjemahkan oleh pengarang atau istilah-istilah khusus berkaitan ilmu mantiq yang dijadikan sebagai sokongan pendalilan oleh pengarang. Kajian juga akan turut mengenalpasti nama-nama tokoh dan kitab yang disebutkan oleh pengarang dalam beberapa tempat.

## **SOROTAN LITERATUR**

Penulis telah melakukan beberapa sorotan kajian lepas dan tidak terdapat adanya satu kajian yang lengkap bagi kitab Aqidatun Najib dalam bentuk takhrij, tahqiq dan pemaknaan.

Kajian-kajian lepas yang ditemui hanyalah dalam bentuk jurnal yang menyentuh aspek-aspek lain pada kitab terbabit seperti berikut:

Faizuri bin Abdul Latif dan Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid telah menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang bertajuk “Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin.” Kajian ilmiah ini menumpukan kepada beberapa topik perbincangan yang berkaitan dengan gaya penulisan hadith oleh Tuan Minal dalam kitab `Aqidah al-Najin. Penulis merumuskan bahawa kebanyakan hadith yang disebutkan oleh tuan Minal turut dimuatkan sumber periwayatan seperti al-Bukhari, Muslim dan sebagainya yang sekaligus memudahkan kita untuk mengenal pasti status hadith-hadith terbabit. Namun kajian ini bukanlah dalam bentuk takhrij bagi mengenal pasti sumber asal dan turuq periwayatan hadith-hadith terbabit, sebaliknya hanya menekankan kepada aspek gaya penulisan hadith oleh pengarangnya. Di samping itu penulis turut mengkategorikan hadith-hadith yang dikemukakan oleh pengarang Aqidah al-Najin dari sudutg topik yang berkaitan dengannya. Penulis merumuskan secara umumnya terdapat 91 buah Hadith yang terkandung dalam kitab `Aqidah al-Najin. Manakala Hadith-hadith tersebut telah dibahagikan kepada beberapa topik seperti Ketuhanan (al-Ilahiyyat) sebanyak 20 hadith, Kenabian (al-Nubuwwat) sebanyak 15 hadith, al-Sam`iyyat, sebanyak 14 hadith, Tasawuf dan sebagainya sebanyak 42 hadith. Penulis tidak mentakhrijkan hadith-hadith terbabit dengan menyatakan sumber dan jalur periwayatan serta status hadith tersebut dari sudut kekuatan atau kelemahannya.

Kajian yang kedua ialah penulisan jurnal yang dibuat oleh Faizuri Abdul Latif (2013) dengan judul: “Integrasi Ilmu Dalam Kitab Jawi: Penelitian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin Karangan Syeikh Zainal Abidin Al-Fatani.” Dalam kajian ini penulisnya memfokuskan aspek sains yang dimuatkan oleh pengtarang Aqidah al-Najin dengan mengambil beberapa terma pendalilan ketuhanan melalui istilah-istilah seperti jirim, jisim, aradh dan sebagainya. Istilah-istilah ini dikaitkan oleh penulis sebagai istilah yang juga digunakan dalam aspek ilmu sains. Bezanya, dalam ilmu sains istilah-istilah itu diketengahkan bagi mendapatkan pengetahuan tentang ciri-cirinya yang alamiah semata-

mata manakala dalam perbahasan ulama Usuluddin ia digunakan sebagai dalil bagi membuktian aspek ketuhanan. Penulis menyatakan, Syeikh Zainal Abidin al-Fatani telah mengetengahkan istilah jirim dan *`arad* dalam karyanya yang merupakan sebahagian daripada perbahasan sains bagi membuktikan keagungan Allah SWT berbanding makhluk ciptaanNya. Keterangan di atas menegaskan bahawa segala sifat alam dan jirim ini sama sekali tidak layak disamakan dengan sifat Allah SWT yang kekal abadi. Penekanan mengenai sifat jirim yang baharu ini diterangkan melalui pengertian tentang hukum akal yang mendorong manusia untuk berfikir secara logik tentang kelemahan sifat jirim yang terdiri daripada pelbagai unsur dan kandungan, dan tidak boleh wujud secara teguh atau nyata dengan sendirinya. Ini boleh dibuktikan melalui pemahaman sains moden yang menyatakan jirim itu terdiri daripada atom-atom yang struktur asasnya terdiri dari tiga komponen utama iaitu proton dan elektron yang membentuk gumpalan nukleus di tengah, dan dikelilingi oleh elektron-elektron di luarnya.

Berdasarkan kenyataan ini jelas bahawa skop kajian penulis hanya terbatas dari sudut kesepaduan ilmu sains dengan kaedah pendalilan yang dikemukakan oleh ulama Usuluddin khususnya yang dinyatakan dalam kitab Aqidah al-Najin. Kajian ini sama sekali tidak terkait dengan apa yang hendak dilakukan oleh pengkaji iaitu membuat pemaknaan menyeluruh, takhrij dan tahqiq atas teks-teks syarak yang meliputi hadith-hadith nabi dan penghuraian kepada istilah-istilah ilmu dan kesamaran penjelasan yang terdapat dalam kitab aqidatun Najin.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu bentuk kajian kualitatif deskriptif yang bermaksud penelitian daripada data deskriptif yang terdiri daripada kata-kata dalam bentuk tulisan atau lisan daripada manusia atau pelaku yang boleh diamat-amati. Dengan kata lain kajian ini menggunakan pendekatan menganalisis teks tertentu sebagai kaedah kajian. (Lim Chong Hin, 2007).

Teks yang dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini ialah Kitab Aqidah al-Najin sebuah kitab akidah Ahlus Sunnah wa al-Jamaah yang ditulis dalam bahasa Melayu lama dan menggunakan tulisan Jawi sebagai medium penyampaian. Melalui kajian ini pengkaji mengambil inisiatif untuk mengalihkan tulisan kitab tersebut daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi dan melakukan terjemahan intralingual daripada bahasa

klasik kepada bahasa Melayu moden. Sumber data bagi kajian ini ialah kitab Aqidah al-Najin yang diterbitkan oleh Percetakan Ben Halabi, Patani.

Pada asasnya penyelidikan yang akan dijalankan berdasarkan dua bentuk penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Tujuan dijalankan penyelidikan ini ialah bagi mendapatkan data-data yang lengkap untuk dibentangkan dalam laporan penyelidikan. Dalam kedua-dua bentuk penyelidikan berkenaan akan digunakan dua metode utama dalam proses untuk mengumpulkan data dan menganalisis fakta kajian. Metode utama itu ialah metode pengumpulan data dan penganalisaan data.

Metode pengumpulan data adalah usaha-suaha yang dilakukan melalui pengumpulan data dan seterusnya mentafsirkan data-data tersebut. Bagi tujuan tersebut penulis akan menggunakan beberapa sumber bagi mendapatkan data-data tersebut sama ada sumber primer atau sumber sekunder. Data-data yang dikumpulkan kemudiannya akan di susun dengan teratur dan bersistematik agar kajian yang dijalankan mendatangkan natijah yang berkualiti. Kaedah yang digunakan bagi tujuan tersebut adalah kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual.

### **PENUTUP DAN KESIMPULAN**

Sebagai penutup dan kesimpulan, kajian ini diharapkan dapat dijalankan dengan sempurna mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Adalah menjadi harapan penyelidik bahawa kajian ini dapat memberikan penerangan dan penjelasan yang sebaik-baiknya terhadap kitab Aqidah al-Najin yang sering digunakan oleh masyarakat Islam terutama dalam kuliah-kuliah pengajian di masjid dan surau. Penyelidikan ini juga diharapkan mampu memberi sumbangan kepada peningkatan minat dan penghayatan umat Islam untuk memperdalam ilmu-ilmu agama yang diabadikan oleh para ulama nusantara. Lebih jauh daripada itu penyelidik mengharap kajian ini bakal menjadi kesinambungan amal jariah yang berterusan untuk pengarang kitab Aqidah al-Najin terbabit.

## RUJUKAN

- Abdul Salam Muhammad Harun, (1998). *Tahqiq al-Nusus wa Nasyriha*, Maktabah al-Khanji, Kaherah.
- Dr Khalid Zahri, (2009) *Ummu al-Barahin; Tahqiq*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Faisal Ahmad Shah, (2016). *Takhrij Hadith: Teknik Cepat Pencarian Hadith dan Penentuan Hukum*. Jabatan al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Faizuri Abd. Latif, (2009). *Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama' Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin*. Jurnal Usuluddin, Universiti of Malaya.
- Faizuri Abd. Latif, (2013). WCIK E-Journal of Integration Knowledge 2013 (E-ISSN: 2289-5973) <http://worldconferences.net>.
- Hasura Che Omar dan Rokiah Awang (2009). *Kelestarian Bidang Terjemahan*. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Idris Mansor, (2017). *Journal of Nusantara Studies*, Vol 2(2) 251-263. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Lim Chong Hin, (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan kualitatif*. McGraw-Hill (Malaysia).
- Mahmud al-Tahhan, (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Maktabah al-Maarif, Riyadh.
- Markaz Nun li al-Ta'lif wa al-Tarjamah (2009). *Durus Fi Ilm al-Mantiq*. Jam'iyah al-Ma'arif al-Islamiyyah, Beirut.
- Mujamma' al-Lughah al-Arabayyiah, (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Maktabah al-Syuruq wa Al-Dauliyyah, Republik Arab Mesir.
- Zainal Abidin al-Fatani, (t.t), *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*. Patani: Matba'ah Bin Halabi.

*Muhammad Ramzi Omar*

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM SERDANG, Selangor.*

*E-mail: [sinarmedia13@gmail.com](mailto:sinarmedia13@gmail.com)*

*Profesor Madya Dr. Amini Amir Abdullah*

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, 43400 UPM SERDANG, Selangor.*

*E-mail: [amini@upm.edu.my](mailto:amini@upm.edu.my)*

*Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir*

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, 43400 UPM SERDANG, Selangor.*

*E-mail: [nidzam@upm.edu.my](mailto:nidzam@upm.edu.my)*

*Dr. Ahmad Nasir Mohd. Yusoff*

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, 43400 UPM SERDANG, Selangor.*

*E-mail: [ahnasir@upm.edu.my](mailto:ahnasir@upm.edu.my)*